



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP16 : GARIS PANDUAN PELABURAN WANG KOPERASI DI BAWAH SEKSYEN 54 AKTA KOPERASI 1993

BAHAGIAN A : PENGENALAN

TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta) bertujuan untuk memberi panduan kepada koperasi yang hendak membuat pelaburan di bawah seksyen 54 Akta.

TAFSIRAN

2. Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“kumpulan wang anggota” ertinya –

- (a) modal syer anggota;
- (b) modal yuran anggota;
- (c) modal syer bonus;
- (d) modal syer ditebus,
- (e) Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus;
- (f) Akaun Rizab Modal;
- (g) Kumpulan Wang Penebusan Syer;

- (h) lain-lain kumpulan wang yang diwujudkan untuk manfaat anggota; dan
- (i) Akaun Untung Rugi Terkumpul.

“**sekuriti**”¹ mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA) [Akta 671].

“**wang berlebihan**” ertinya tertakluk kepada peraturan-peraturan, wang yang melebihi amaun yang diperlukan oleh sesuatu koperasi bagi kegunaan segera sebagai modal kerja bagi perniagaannya, yang boleh didepositkan atau dilaburkan di luar koperasi itu tanpa menjelaskan pengendalian perniagaan itu.

LATAR BELAKANG

3. Koperasi boleh melaburkan wang berlebihannya di bawah seksyen 54 Akta tertakluk kepada peraturan-peraturan dan undang-undang kecil.

4. Sesebuah koperasi hendaklah memastikan tujuan penubuhannya dicapai sepenuhnya sebelum memutuskan untuk membuat sesuatu pelaburan. Ini kerana koperasi berhadapan dengan risiko kerugian yang tinggi walaupun mungkin mendapat pulangan yang tinggi. Oleh itu, sebarang pelaburan yang hendak dibuat mestilah menggunakan wang berlebihan.

5. Daripada pemerhatian, didapati pelaburan-pelaburan koperasi yang bermasalah berpunca daripada faktor-faktor berikut:-

- (a) melabur menggunakan wang pinjaman;

¹ “sekuriti” ertinya—

- (a) debentur, saham atau bon yang diterbitkan atau dicadangkan untuk diterbitkan oleh mana-mana kerajaan;
- (b) syer dalam atau debentur, sesuatu pertubuhan perbadanan atau pertubuhan yang tidak diperbadankan; atau
- (c) unit amanah atau pelaburan ditetapkan,dan termasuklah apa-apa hak, opsyen atau kepentingan yang berkenaan dengannya, tetapi tidak termasuk kontrak niaga hadapan.

- (b) terlalu ghairah mengejar pulangan tinggi daripada pelaburan;
- (c) melabur tanpa membuat perancangan yang rapi dan kajian yang teliti atau merujuk kepada mereka yang berkebolehan dalam bidang berkenaan; dan
- (d) pelaburan dibuat kerana kepentingan individu tertentu termasuk kepentingan anggota Lembaga.

BAHAGIAN B : PELABURAN OLEH KOPERASI

PELABURAN WANG KOPERASI

6. Pelaburan wang koperasi di bawah seksyen 54 Akta adalah seperti berikut:

(a) Pelaburan yang dibolehkan tanpa kelulusan Suruhanjaya:

Sesuatu koperasi boleh melaburkan wang berlebihannya tanpa kelulusan Suruhanjaya di dalam –

- (i) mana-mana sekuriti yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia; atau
- (ii) syer mana-mana koperasi lain.

(b) Pelaburan yang perlu kelulusan Suruhanjaya:

Sesuatu koperasi perlu mendapatkan kelulusan Suruhanjaya untuk melabur wang berlebihannya di dalam –

- (i) bon atau debentur mana-mana koperasi lain;

- (ii) mana-mana sekuriti lain; atau
 - (iii) subsidiarinya.
- (c) **Semua pelaburan samada yang memerlukan kelulusan Suruhanjaya atau tidak hendaklah –**
- (i) menggunakan wang berlebihan koperasi;
 - (ii) mempunyai peruntukan dalam undang-undang kecil koperasi;
 - (iii) memastikan skop dan had pelaburan tersebut telah diluluskan oleh mesyuarat agung; dan
 - (iv) mematuhi peruntukan undang-undang bertulis lain yang berkaitan.

HAD PELABURAN

7. Koperasi yang melaburkan wang berlebihannya hendaklah mematuhi had pelaburan yang berikut –

- (a) bagi koperasi kredit, **tidak melebihi sepuluh peratus** daripada jumlah kumpulan wang anggota; dan
- (b) bagi koperasi bukan kredit:
 - (i) yang aktiviti utamanya dalam undang-undang kecilnya ialah selain pelaburan, had pelaburannya hendaklah **tidak melebihi dua puluh peratus** daripada jumlah kumpulan wang anggota; atau

- (ii) yang aktiviti utamanya dalam undang-undang kecilnya ialah pelaburan, had pelaburannya **boleh melebihi dua puluh peratus** daripada jumlah keseluruhan kumpulan wang anggota.
8. Walau apapun para 7(b)(i) dan (ii), jika pelaburan melebihi **sepuluh peratus** daripada kumpulan wang anggotanya, analisis risiko yang disediakan oleh badan profesional hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya.

PELABURAN SUBSIDIARI

9. Koperasi boleh melabur wang berlebihannya dalam subsidiarinya tertakluk kepada kelulusan bertulis Suruhanjaya dan syarat-syarat yang berikut –
- (a) pelaburan itu bertujuan –
- (i) memajukan aktiviti perniagaan koperasi;
 - (ii) menjana pendapatan koperasi;
 - (iii) bermanfaat kepada anggotanya; dan
- (b) koperasi mempunyai keupayaan kewangan untuk membuat pelaburan dalam subsidiarinya.
10. Had pelaburan dalam setiap subsidiari adalah tertakluk kepada para 7 dan kelulusan mesyuarat agung sesuatu koperasi.

PANDUAN BAGI MEMBUAT PELABURAN

11. Bagi tujuan pelaburan, koperasi hendaklah memastikan perkara berikut diambil kira –

(a) Kesediaan koperasi membuat pelaburan

- (i) koperasi hendaklah membuat perancangan yang teliti dari segi pengurusan, kewangan dan sebagainya sebelum membuat keputusan untuk melabur;
- (ii) kajian kemungkinan (*feasibility studies*) hendaklah dibuat bagi setiap cadangan pelaburan. Hanya pelaburan yang berdaya maju dan menguntungkan wajar diteruskan;
- (iii) bagi memastikan ketelusan pengurusan koperasi, skop dan had pelaburan hendaklah dibentang dan diluluskan dalam mesyuarat agung dengan merujuk kepada para 7;
- (iv) menyediakan analisis risiko oleh badan profesional jika pelaburan melebihi **sepuluh peratus** daripada kumpulan wang anggota dengan merujuk kepada para 8;
- (v) pelaburan itu diluluskan oleh mesyuarat Lembaga koperasi;
- (vi) koperasi mempunyai wang berlebihan;
- (vii) tujuan pelaburan bukan untuk spekulasi;
- (viii) pelaburan yang dibuat tidak akan menjaskan aktiviti utama koperasi;
- (ix) undang-undang kecilnya membenarkan aktiviti pelaburan; dan

(x) pelaburan tidak melibatkan kepentingan anggota Lembaga.

(b) Analisis fundamental syarikat atau tempat melabur

Kajian kemungkinan hendaklah mengambil kira perkara berikut –

- (i) prestasi kewangan dan keuntungan syarikat sekurang-kurangnya **tiga** tahun terakhir;
- (ii) pengurusan syarikat;
- (iii) unjuran pulangan pelaburan bagi tempoh **tiga** tahun;
- (iv) status syarikat dalam industri yang sama;
- (v) prospek atau perkembangan terkini seperti kemungkinan berlaku pengambilalihan (*take over*), perolehan (*acquisition*) atau penggabungan (*merger*);
- (vi) keadaan ekonomi semasa yang mempengaruhi pelaburan;
- (vii) polisi pihak Kerajaan yang memberi kesan kepada pelaburan; dan
- (viii) kesan pelaburan ke atas kewangan koperasi.

DOKUMEN BAGI TUJUAN PERMOHONAN KELULUSAN PELABURAN

12. Bagi tujuan pelaburan, koperasi hendaklah mengemukakan dokumen berikut dengan lengkap:

- (a) Surat Permohonan seperti format di **Lampiran 1**;

- (b) Kertas Kerja Pelaburan seperti format di **Lampiran 2**;
- (c) Cabutan Minit Mesyuarat Agung dan Mesyuarat Lembaga yang disahkan;
- (d) Penyata Harta Mudah Tunai di **Lampiran 3**;
- (e) Salinan Penyata Bank bagi **tiga** bulan terakhir;
- (f) Penyata Kewangan Teraudit bagi **tiga** tahun terakhir;
- (g) Surat Tawaran Pelaburan, jika ada; dan
- (h) Dokumen tambahan bagi menyokong permohonan.

BAHAGIAN C : KEPERLUAN KAWAL SELIA

TADBIR URUS

Lembaga Koperasi

13. Lembaga hendaklah bertanggungjawab bagi memastikan –
- (a) polisi pelaburan adalah:
 - (i) selaras dengan aktiviti perniagaan seperitimana termaktub dalam undang-undang kecilnya; dan
 - (ii) bersesuaian dengan kecukupan modal, kepakaran pengurusan dan risikonya.

- (b) pelaburan adalah bersesuaian dengan objektif aktiviti perniagaan dan halatuju koperasi;
- (c) prosedur pelaburan koperasi dibentangkan untuk kelulusan mesyuarat Lembaga. Prosedur pelaburan hendaklah dikaji dari semasa ke semasa dan dipinda sekiranya perlu;
- (d) koperasi dalam setiap masa mengamalkan tadbir urus yang baik;
- (e) pengurusan koperasi yang dipertanggungjawabkan mempunyai keupayaan untuk mengurus aktiviti pelaburan;
- (f) proses pengurusan risiko dalam aktiviti pelaburan adalah mencukupi;
- (g) suatu sistem penyeliaan yang teratur diwujudkan dalam hal pengurusan pelaburan oleh koperasi; dan
- (h) jenis pelaburan yang dibuat tidak memudaratkan koperasi.

14. Pengurusan koperasi hendaklah memberi taklimat kepada Lembaga mengenai keseluruhan portfolio pelaburan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh **tiga bulan**. Lembaga hendaklah memantau prestasi portfolio pelaburan melalui laporan berkala dan mengkaji serta mengambil perhatian terhadap perkara-perkara berikut:

- (a) prestasi pelaburan menurut kategori, contohnya jenis dan kualiti pelaburan;
- (b) pelaburan berjumlah besar berbanding aset koperasi; dan
- (c) jenis-jenis pelaburan yang mempunyai potensi berdaya maju.

Pengurusan

15. Pihak pengurusan bertanggungjawab untuk melaksanakan polisi pelaburan sebagaimana diluluskan oleh Lembaga dan bertanggungjawab menyediakan prosedur-prosedur yang perlu untuk dilaksanakan.
16. Tanggungjawab pihak pengurusan termasuk menyediakan:
 - (a) bidang kuasa (*clear lines of authority*) dan tanggungjawab yang jelas dalam pelaksanaan pelaburan;
 - (b) saluran komunikasi yang teratur dan jelas mengenai polisi pelaburan dan dipatuhi oleh pegawai yang terlibat;
 - (c) prosedur operasi yang mencukupi dan berkesan serta kawalan dalaman untuk mengenalpasti, mengukur dan mengawal risiko pelaburan dalam usaha melaksanakan polisi yang telah ditetapkan oleh Lembaga;
 - (d) sistem pengrekodan yang mencukupi dan berkesan untuk memastikan laporan prestasi pelaburan boleh disediakan dengan cepat, tepat dan berinformasi;
 - (e) laporan kepada Lembaga koperasi mengenai semua aspek pelaburan;
 - (f) maklumat kualiti dan risiko pelaburan serta melaksanakan kajian semula ke atas keseluruhan portfolio pelaburan sekerap yang mungkin; dan
 - (g) modal insan yang mencukupi dan kompeten.

Jawatankuasa Audit Dalaman

17. Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah memastikan kawalan dalaman, pengurusan risiko, polisi dan prosedur pelaburan yang ditetapkan dipatuhi.

PENGURUSAN RISIKO

18. Pengurusan risiko ialah suatu proses untuk melindungi sumber dan aset koperasi daripada kerugian. Amalan pengurusan risiko yang berkesan dapat mengawal atau mengurangkan tahap kerugian yang akan dialami oleh koperasi.

19. Sehubungan itu, Lembaga melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko, sekiranya ada, bertanggungjawab mengamalkan teknik pengurusan risiko yang berkesan dengan mewujudkan:

- (a) rangka kerja dan tatacara yang mencukupi bagi mengenal pasti, memantau dan mengawal risiko;
- (b) prosedur operasi pelaburan yang mencukupi dan berkesan; dan
- (c) proses kawalan dalaman untuk menilai, mengukur, mengawal, memantau dan melaporkan segala jenis risiko.

20. Polisi dan prosedur pengurusan risiko hendaklah diluluskan oleh Lembaga koperasi dan didokumenkan.

Pengsumberanluar (*Outsourcing*)

21. Koperasi boleh menggunakan perkhidmatan pihak ketiga untuk melaksanakan pelaburan. Walau bagaimanapun, Lembaga koperasi hendaklah mengekalkan tanggungjawab muktamad dan kawalan terhadap pelaburan tersebut.

22. Koperasi yang menggunakan khidmat pihak ketiga hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:

- (a) kajian semula pemeriksaan usaha wajar (*due diligence*) terhadap pihak ketiga;
- (b) kelulusan Lembaga koperasi diperoleh;
- (c) perjanjian perkhidmatan;
- (d) akujanji bertulis pihak ketiga untuk mematuhi peruntukan kerahsiaan; dan
- (e) pelaporan dan mekanisme pemantauan yang teratur.

PELAPORAN

23. Menurut seksyen 85A, koperasi hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat dan statistik yang dikehendaki oleh Suruhanjaya. Sehubungan itu, koperasi dikehendaki mengemukakan laporan prestasi pelaburan setengah tahun mengikut format seperti di **Lampiran 4**.

PEMANTAUAN

24. Pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh koperasi hendaklah dilaporkan kepada anggota melalui laporan Lembaga dan dibentang dalam mesyuarat agung.

AM

25. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta dan Peraturan. Pengecualian terhadap mana-mana peruntukan dalam garis panduan ini boleh diberikan oleh Suruhanjaya secara bertulis kepada mana-mana koperasi demi kepentingan gerakan koperasi.

PEMBATALAN, PEMAKAIAN DAN TARikh KUATKUASA

26. Pekeliling-pekeliling berikut adalah dengan ini dibatalkan:

- (a) Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 2 Tahun 2003 – Garis Panduan Pelaburan Oleh Koperasi Berdaftar Di Bawah Seksyen 54 Akta Koperasi 1993;
- (b) Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 3 Tahun 2005 – Garis Panduan Mengenai Pelaburan Dalam Subsidiari Koperasi; dan
- (c) Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 4 Tahun 2005 – Garis Panduan Mengenai Pelaburan Dalam Syer Syarikat Yang Disenaraikan Di Bursa Malaysia.

27. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

28. Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaianya mulai **1 Julai 2011**.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

(DATUK HAJI MD. YUSOF BIN HAJI SAMSUDIN)

Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh : 15 Jun 2011

"Peneraju Kecemerlangan Koperasi"